



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 MENGENAI
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN,
AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN SERTA PENGURUSAN
KEWANGAN JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN SIRI 2**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI
TAHUN 2017 SIRI 2**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2017 SIRI 2**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI TAHUN 2017**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI TAHUN 2017 SIRI 2**

1. Sepertimana tahun sebelum, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2017 dibentangkan secara bersiri sebanyak dua (2) kali di mana LKAN Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018 (Isnin). Seterusnya, LKAN Tahun 2017 Siri 2 akan dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-

Pertuan Agong. Ianya meliputi LKAN Tahun 2017 Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain serta Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Persekutuan Siri 2, LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan bagi Tahun 2017 Siri 2, LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan bagi Tahun 2017 Siri 2, LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017, LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 2.

2. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain Bagi Tahun 2017

- (a) Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab mengesahkan sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi lain telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai serta memberi gambaran yang benar mengenai

kedudukan kewangan Agensi berkenaan. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 148 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2017 untuk Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain.

- (b) Setakat 30 September 2018, pengauditan yang telah dijalankan terhadap 148 Penyata Kewangan Agensi bagi tahun kewangan 2017 mendapati sebanyak 110 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 17 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, enam (6) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan, dan satu (1) diberi Pendapat Penafian. Sebanyak 13 Penyata Kewangan Agensi bagi tahun 2017 masih belum dimuktamadkan dan sembilan (9) daripadanya adalah kerana Pengerusi Lembaga Pengarah belum dilantik dan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dapat diadakan bagi memperakui penyata kewangan yang telah diaudit. Selain itu, masalah sistem dan isu pengurusan juga merupakan faktor kelewatan bagi empat (4) Penyata Kewangan Agensi yang masih belum dimuktamadkan.

3.2. Pengurusan Kewangan di Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

- (a) Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 19 Jabatan Persekutuan bagi tahun kewangan 2017

menunjukkan dua (2) Jabatan Persekutuan mencapai tahap Cemerlang, sebanyak 10 mencapai tahap Baik, lima (5) berada di tahap Memuaskan dan dua (2) di tahap Kurang Memuaskan.

- (b) Prestasi pengurusan kewangan bagi 14 Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri yang diaudit, untuk tahun kewangan 2017 menunjukkan tiga (3) JKDM Negeri mencapai tahap Cemerlang, tujuh (7) JKDM Negeri mencapai tahap Baik dan empat (4) berada di tahap Memuaskan.
- (c) Prestasi pengurusan kewangan bagi cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di 13 negeri, untuk tahun kewangan 2017 menunjukkan tiga (3) kampus cawangan mencapai tahap Cemerlang, sebanyak tujuh (7) kampus cawangan mencapai tahap Baik dan dua (2) di tahap Memuaskan serta satu (1) di tahap Kurang Memuaskan.

3.3. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri

- (a) Ketua Audit Negara juga bertanggungjawab mengesahkan sama ada penyata kewangan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memberi gambaran yang benar mengenai kedudukan kewangan Kerajaan/Agensi

berkenaan. Setakat 21 November 2018, bilangan penyata kewangan yang perlu diaudit dan telah disahkan adalah seperti berikut:

BIL.	PENYATA KEWANGAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017	PENSIJILAN SETAKAT 21.11.2018
1.	Kerajaan-Kerajaan Negeri	13	13
2.	Badan Berkanun Negeri	151	140
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	148	138
4.	Majlis Agama Islam Negeri	13	12
JUMLAH		325	303

- (b) Berdasarkan kepada pengauditan terhadap 303 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2017, sebanyak 240 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 35 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan 28 penyata kewangan pula telah diberikan Pendapat Berteguran. Sebanyak 16 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan kerana kelewatan agensi mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap. Manakala baki enam (6) penyata kewangan, masih belum dikemukakan oleh Agensi kepada pihak Audit untuk pengauditan.

3.4. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri

- (a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200*. Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- (b) Mulai LKAN Tahun 2017 Siri 2, Jabatan Audit Negara telah menambah baik pendekatan pengauditan prestasi dengan memberi penekanan terhadap penilaian output dan *outcome*, serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan tahap kepuasan golongan sasaran terhadap program/projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dengan ini, Jabatan Audit Negara dapat membantu Kerajaan mengukur sama ada sesuatu program/projek yang dilaksanakan telah sebenarnya mencapai tujuan yang ditetapkan atau sebaliknya.

- (c) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2 ini, sebanyak 16 pengauditan prestasi dan lapan (8) pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Manakala di peringkat Negeri, 25 pengauditan prestasi dan 13 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dijalankan. Pengauditan merangkumi pelbagai bidang, antaranya pengurusan program/aktiviti, pembinaan, perolehan, sistem/ICT, penyenggaraan dan pengurusan hasil.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkeenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkeenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 83 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, 42 syor terhadap pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan serta 173 syor terhadap pengurusan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara, dan orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 3 Disember 2018 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/

pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Taklimat, Aras 2, Bangunan Utama, Parlimen.

Ketua Audit Negara
Malaysia

3 Disember 2018